

## ELEMEN KEMAHIRAN PENSYARAH CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM DI POLITEKNIK PREMIER: SATU KAJIAN RINTIS

Ahmad Firdaus Mohd Noor [1], Kamarul Azmi Jasmi [2], Khairunnisa A Shukor [3]

### ABSTRACT

This paper is aimed at discussing the type of skills possessed by Outstanding Lecturer of Islamic Education (PCPI) in premier polytechnics. This pilot study involved interviews with a PCPI in one of the premier polytechnics. Interviews were then managed through N'Vivo version 7.0 to produce themes and matrix tables related to the types of skills that are practiced both during teaching and learning (T&L) inside and outside classroom. The findings show that there are several types of skills that can be practiced during the T&L in polytechnics, such as of teaching skills, Quranic skills, ICT skills, workplace management skills, household management skills, interpersonal skills, intrapersonal skills, emotional intelligence skills, and public speaking skills.

**Keywords:** Skills, Outstanding Lecturer of Islamic Education, Polytechnics

[1] Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia  
aqili\_firni83@yahoo.com.my

[2] Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia  
qamar@utm.my

[3] Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia  
nisafirni83@gmail.com

### PENDAHULUAN

Pendidikan di politeknik mula diperkenalkan di Malaysia apabila Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak diperkenalkan di bawah United Nations Development Plan pada tahun 1969 (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012). Penubuhan politeknik ini di bawah seliaan Bahagian Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Sistem pendidikan teknikal hari ini telah berkembang pesat seiring dengan kemajuan pembangunan sektor industri negara. Transformasi yang dilancarkan berteraskan pemerkasaan politeknik, pembangunan program dalam bidang tujuan tertentu, tenaga pengajar dan kakitangan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, serta mempunyai imej dan budaya cemerlang (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Hala Tuju Transformasi Politeknik telah mengukuhkan lagi peranan Politeknik dalam bidang pendidikan dan latihan. Berikut adalah empat teras yang terkandung dalam Hala Tuju Transformasi Politeknik (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012), iaitu (1) Memperkasa politeknik ke arah menjadi pilihan yang setanding dengan universiti awam yang lain. (2) Membangunkan program pengajian dan penyelidikan dalam bidang tujuan yang bertunjangkan kekuatan di setiap politeknik. (3) Memperkasa warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi. (4) Membina imej bereputasi tinggi dan budaya kerja cemerlang.

Keempat-empat teras di atas adalah pemangkin kepada pencapaian objektif transformasi politeknik (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Pada teras yang ketiga dan keempat pula, teras yang menjurus kepada kecemerlangan pensyarahan politeknik termasuklah Pensyarahan Pendidikan Islam (PPI). Melalui artikel ini akan dibincangkan dapatkan daripada satu kajian rintis mengenai kemahiran yang diamalkan oleh pensyarahan Pendidikan Islam di sebuah politeknik premier.

### KEMAHIRAN DALAM KECEMERLANGAN PENSYARAH POLITEKNIK

Aspek kemahiran disebut oleh ramai sarjana sebagai salah satu kriteria kecemerlangan seorang individu (al-Ghazali t.th.; Kane, Sandretto & Heath., 2004; Wood, L.N. & Harding, A., 2007; Sahandri G.Hamzah

& Hafidah Mohamad, 2008; Nor Shafrin Ahmad *et al.*, 2009; Abdull Sukor Shaari, 2010; Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Rafizah Mohamed Salleh, 2011; Wan NorinaWan Hamat & Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, 2012; Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron, 2012; Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah, 2013).

Dimensi bidang perguruan dan pendidikan sentiasa berkembang dan berubah sejajar dengan perubahan zaman (Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip & Mohd Shahril, Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi, 2012). Menurut Sapie Sabilan *et al.*, perkembangan global dengan teknologi telekomunikasi dan internet menuntut banyak cabaran kepada guru untuk mencapai misi nasional. Seharusnya para guru mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran yang datang dengan mempunyai kemahiran pengurusan dan penyusunan. Justeru, guru Pendidikan Islam selayaknya menjadi golongan yang paling hadapan bagi membentengi cabaran ini (Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman, 2011). Menurut Ramli Awang *et al.* (2012), seseorang pekerja tidak boleh berasa selesa hanya dengan memiliki satu kemahiran asas sahaja, bahkan perlu mendapatkan kemahiran yang lain. Hal ini kerana kemahiran adalah suatu ilmu yang boleh diusahakan. Lantaran itu, pelbagai lagi kemahiran diperlukan bagi seorang pendidik di antaranya, berbahasa, ICT (Information and Communication Technology), komunikasi, mengurus, menulis, merawat, dan kemahiran seni (Kamarul Azmi Jasmi, 2010). Manakala kajian Rafizah Mohamed Saleh (2011) pula lebih menjurus kepada kemahiran mengajar. Kemahiran mengajar yang dikaji oleh beliau merangkumi empat kategori dalam bahagian ini, iaitu, interaksi, menyampaikan isi pelajaran, kaedah mengajar, dan mengawal kelas.

Kemahiran ICT adalah salah satu kemahiran yang luas yang terdiri dari semua teknologi yang bertindak dalam penyampaian maklumat (Irfan Naufal Umar & Nurullizam Jamiat, 2011). Contohnya, radio, televisyen, telefon mudah alih, internet, dan komputer. Kemahiran komputer dalam pengajaran & pembelajaran berbantuan komputer (PPBK) berperanan sebagai tutor atau guru. Dalam proses pengajaran sebenar di dalam kelas, pendidik berperanan sebagai pengajar, penerang dan pemudahcara, agen perubahan, dan sumber inspirasi. (Ahmad Zaidi Shah Muhammed, 2011; Rafiza Abdul Razak & Siti Zarina Syed Nordin, 2013). Penggunaan komputer membolehkan pelajar dapat belajar mengikut kesesuaian masa mereka sendiri dengan variasi aktiviti yang ada serta mempunyai ciri interaktif. Penggunaan ini berbeza berbanding alat BBM lain seperti tv pendidikan, video, projektor slaid, dan pita rakaman (Ahmad Zaidi Shah Muhammed, 2011). Pernyataan ini disokong Wan Norina Wan Hamat & Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff (2012), P&P menjadi lebih menarik, berkesan dan mendatangkan minat pelajar. Hal ini seterusnya meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. Perkara ini dibuktikan melalui kajian beliau terhadap web untuk pembelajaran. Beliau mendapati web atau laman sesawang berada pada kedudukan kedua tertinggi penggunaannya kepada pelajar pada hari ini. Bukti ini menandakan pelajar lebih berminat pada bahan yang berasaskan komputer dan teknologi maklumat.

Kemahiran intrapersonal dan interpersonal turut dibincangkan oleh Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013) bagi menjadi guru yang profesional. Menurut Salhah Abdullah (2009), kemahiran intrapersonal adalah kebolehan memahami diri sendiri dengan melihat kekuatan dan kelemahan, hasrat dan kehendak, serta keupayaan diri yang mempunyai kemahiran yang sama atau berbeza dengan orang lain. Pernyataan ini dipersetujui oleh Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2009) dengan menjelaskan, selain membolehkan memahami dirinya sendiri dengan mengetahui keistimewaan dan kelemahan diri. Seseorang yang mempunyai kemahiran ini akan berkemampuan mengetahui apa yang diminati dan apa yang ditakuti. Ia juga mengetahui apa yang mendorong perilaku serta tindak tanduknya sendiri tanpa diberitahu oleh orang lain. Oleh itu, kemahiran intrapersonal mampu membantu individu menyelesaikan masalah yang melibatkan perasaan, mengawal marah atau kesedihan diri serta bagaimana menguruskannya dengan beradab sopan. Kemahiran intrapersonal ini juga membolehkan seseorang individu mampu membuat refleks kendiri yang tinggi (Salhah Abdullah, 2009). Manakala kemahiran interpersonal menurut Salhah Abdullah pula adalah kebolehan memahami perasaan, motivasi, tabiat serta hasrat orang lain. Hal ini bermaksud, kemahiran interpersonal akan bertindak secara berkesan terhadap orang lain secara praktikal seperti menggalakkan murid menyertai suatu projek.

Bagi Khadijah Alavi *et al.* (2012) pendidik dalam bidang Pendidikan Islam perlu memiliki kemahiran kecerdasan emosi dan sosial. Hal ini bertujuan agar proses P&P dapat berjalan lebih lancar, berkesan, dan berupaya menarik minat pelajar. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar.

Berdasarkan kajian Khadijah Alavi *et al.*, dapatan menunjukkan implikasi kajian ini memperlihatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar dapat ditingkatkan melalui pendidikan Islam. Malah, kajian yang lebih awal pernah dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) turut mendapati bahawa seorang pendidik yang menjalankan pelbagai tugas dalam penyampaian ilmu, perkembangan kemahiran, dan akhlak memerlukan seseorang itu memiliki kecerdasan yang tinggi. Justeru itu, kemahiran ini sewajarnya ada pada Pensyarah Pendidikan Islam.

## PENYATAAN MASALAH

Kemahiran bagi seorang pensyarah Pendidikan Islam di politeknik merupakan suatu aspek yang penting untuk membantu kecemerlangan diri setiap pensyarah. Perkara ini menjadi keutamaan sebagai pendidik agar proses P&P yang direncanakan berada dalam keadaan yang bermutu dan berkesan. Hal ini memerlukan kewujudan seorang pendidik yang cemerlang seperti yang dinyatakan Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013), "guru berkualiti mampu melahirkan insan berkualiti". Lanjutan dari itu, seorang pendidik harus memberi perkhidmatan bermutu dan kemahiran yang pelbagai secara luas dan mendalam (Saipo Ayub, 2005). Hal ini ditegaskan oleh Abdul Jalil Othman (2007) bahawa keperluan pendidik yang berkualiti amat mustahak dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti. Walau bagaimanapun, kajian Chee Kim Mang (2008) bercanggah seperti yang dikehendaki. Beliau mendapat kegagalan pendidik yang terlatih dalam menunjukkan mereka benar-benar profesional adalah tidak tercapai kerana tidak dapat mengawal masalah yang dihadapi dalam kelas. Masalah yang sering dihadapi seperti masalah kesukaran mengawal pelajar, masalah sikap negatif pelajar, masalah pelajar tidak minat belajar, pasif, dan gagal memahami pelajaran yang diajar. Hal ini menyebabkan pendidik mengambil pendirian tidak peduli. Perkara ini dikukuhkan oleh Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat, 2009) terdapat dalam kalangan Pensyarah Pendidikan Islam yang melakukan salah laku seperti pengabaian tugas, kurang komitmen dalam kerja, kurang dedikasi, dan kurang kemampuan dari segi kepimpinan keagamaan.

Masalah pendekatan pengajaran telah diketengahkan oleh Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian (2012). Dapatannya mendapati pendidik masih mengekalkan pendekatan tradisional. Perkara ini dilihat apabila pendidik memberikan segala perincian pelajaran kepada pelajar dan pengajaran berpusatkan guru. Lebih memerlukan kajian beliau melibatkan guru cemerlang. Guru cemerlang menghadapi kesukaran memberi tumpuan individu semasa P&P apabila bilangan murid yang ramai di dalam kelas. Hal ini menyebabkan guru cemerlang terpaksa memilih aktiviti P&P yang berpusatkan guru, berpusatkan bahan, dan berpusatkan disiplin. Perkara ini yang akan dihadapi oleh pensyarah politeknik yang mengendalikan kuliah dalam kalangan pelajar yang ramai di dalam kelas dan di dalam bilik kuliah. Akhirnya, hal ini menyebabkan pensyarah keletihan dan merasa kurang bertenaga (Azizi Yahaya, 2010). Perkara ini turut berlaku kepada Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) di politeknik. Kelemahan amalan pengajaran PPI akan menyebabkan proses P&P sering tidak mencapai matlamat ke arah penghayatan Islam dalam kalangan pelajar (Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi, 2012). Hal ini juga menjadi satu faktor kemerosotan pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam (Wan Mat Sulaiman & Haslinda Talib, 2011).

Selain itu, masalah kemahiran pendidik perlu diperhatikan bagi penampaikan dan keperluan menghasilkan pensyarah cemerlang. Proses P&P di dalam kelas banyak melibatkan komunikasi dan pensyarah merupakan orang yang kerap berinteraksi dengan pelajar (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Syed Sofian Syed Salim, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohammad Nasir Bistaman, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Muhammad Bazlan Mustafa & Rohany Nasir (2011) berpendapat, kerjaya pendidik merupakan satu bentuk kerjaya awam yang sungguh mencabar, memerlukan pelbagai kemahiran, dan sering kali berubah-ubah. Kemahiran komunikasi dalam kalangan pendidik telah dikenalpasti oleh Nor Shafrin Ahmad *et al.* (2009). Beliau mendedahkan bahawa terdapat kelemahan pendidik dalam menguasai komunikasi lisan dan bukan lisan secara efektif. Kedapatan guru pelatih yang masih mengalami kesukaran menjelaskan sesuatu sebutan dengan betul, kelancaran dalam menyampaikan pengajaran, juga terbatas dengan penggunaan buku teks. Tidak terkecuali masalah intonasi, suara yang senada, dan tidak menarik. Bagi aspek bukan lisan, masalahnya ialah pendidik tidak dapat menunjukkan eksperesi muka yang bersungguh-sungguh. Eksperesi muka adalah penting semasa menerangkan atau menggambarkan sesuatu. Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah & Rahimi Che Aman (2009) juga menambah, bahawa pengetahuan dan kemahiran guru dalam mata pelajaran tidak memadai bagi pelajar untuk menerima semua maklumat yang disampaikan. Hal ini kerana aspek bukan lisan membantu pendidik

semasa menyampaikan pengajaran. Aplikasi bahasa badan yang betul dan sesuai pula boleh menimbulkan situasi berkomunikasi dengan membantu apa yang ingin disampaikan.

Di samping aspek kemahiran yang masih belum dikuasai oleh pendidik, kajian Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yasin (2011) menemui beberapa lagi permasalahan yang perlu ditangani. Permasalahan tersebut adalah kemudahan pembelajaran, kewangan, serta kursus dalam perkhidmatan berada pada tahap sederhana. Perkara ini sebenarnya tidaklah membimbangkan, akan tetapi boleh menjelaskan pengurusan kursus Pendidikan Islam itu sendiri. Tugas pendidik yang mencabar pada masa kini memerlukan sokongan kemudahan pembelajaran, kewangan, serta kursus dalam perkhidmatan untuk mengukuhkan kecemerlangan. Hal ini kerana, nisbah bilangan pelajar di dalam kelas mestalah sesuai dengan nisbah pensyarah cemerlang. Hal ini bertujuan agar P&P dapat dilaksanakan dengan cemerlang, bermakna, selesa, dan efektif (Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian, 2012). Manakala keperluan latihan dalam perkhidmatan (LDP) masih diperlukan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007) kerana bimbingan yang berterusan amat perlu dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang teknologi dan komunikasi (Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunos, 2008).

## OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk menentukan jenis kemahiran yang boleh diamalkan dalam P&P pensyarah Pendidikan Islam di dalam kelas dan di luar kelas. Oleh itu persoalan kajian ini ialah Apakah jenis kemahiran yang boleh diamalkan dalam P&P pensyarah Pendidikan Islam di dalam dan di luar kelas?

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah satu cadangan untuk menjalankan kajian yang mengambil kira ekspektasi dan konteks pengkaji (Gary, 2009). Hal ini dijelaskan lagi, reka bentuk kajian seperti satu peta yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu penyelidikan itu akan dijalankan. Akhirnya, terhasilah satu rangka rujuk (*blueprint*) mengenai perkara berkaitan dengan persampelan, pengukuran, dan analisis data (Sabitha Marican, 2009).

Bagi memenuhi objektif dan menjawab persoalan kajian rintis ini, pengkaji memilih kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Teknik utama yang digunakan pengkaji untuk mengumpul data adalah teknik temu bual separa berstruktur sebagai mana yang dicadangkan oleh beberapa pengkaji (Ananda Kumar, 2009; Sabitha Marican, 2009; Fatimah Saleh & Lim Chap Sam, 2010; Cresswell, 2012).

Kajian rintis ini memilih seorang peserta untuk ditemubual bagi menentukan apakah terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan yang dikaji oleh pengkaji dengan objektif yang dibina. Peserta yang dipilih adalah seorang pensyarah Pendidikan Islam di salah sebuah politeknik premier. Ciri-ciri pensyarah yang dipilih adalah, (1) berpengalaman mengajar lebih tujuh tahun, (2) mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, (3) menerima kenaikan pangkat melalui proses penilaian kriteria kecemerlangan pensyarah politeknik, (4) menjawat gred jawatan sekurang-kurangnya DH 44, (5) pemilihan dibuat oleh Ketua Unit Pendidikan Islam & Moral, (6) memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Hasil proses temubual ini akan ditranskripsikan menjadi data naratif dan diurus tadbir data tersebut untuk memperoleh tema dapatan kajian dengan menggunakan perisian program N'Vivo 7.0.

## DAPATAN KAJIAN

Penyelidik telah mendapatkan tema kajian dan mendapati bahawa Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di politeknik telah melaksanakan beberapa jenis kemahiran dalam P&P dan di luar P&P. Dapatan data adalah seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1:** Elemen Kemahiran yang diamalkan dalam P&P dan di luar P&P PCPI di politeknik

Tema	Kod
Kemahiran Mengajar	Bercerita Berpidato Menerang Mengaitkan Isu Meninggikan Suara Menyoal
Kemahiran al-Quran	Membaca Bertajwid Menafsir Berhujah dengan Dalil
Kemahiran ICT	Carian Internet Jaringan Sosial Pembuatan Video Penggunaan CD Penggunaan Telefon Pintar Penggunaan LCD
Kemahiran Pengurusan Tempat Kerja	Datang Awal ke Tempat Kerja Membuat Target Menyusun Kerja Pengurusan Solat
Kemahiran Pengurusan Rumah Tangga	Pengurusan Masa Mengutamakan Keutamaan
Kemahiran Interpersonal	Memahami Minat Pelajar Mengetahui Kelemahan Pelajar
Kemahiran Intrapersonal	Mengetahui Kebolehan Diri Mengetahui Cara Memajukan Diri Mampu Memotivasi Diri sendiri Mengetahui Potensi dalam Diri Mengetahui Kelemahan Diri
Kemahiran Kecerdasan Emosi	Mengawal Emosi Mengikut Keadaan Berfikir Sebelum Bertindak
Kemahiran Pengucapan Awam	Kebolehan Berceramah Kepercayaan Masyarakat

Berdasarkan Jadual 1, dapatan menunjukkan Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di politeknik melaksanakan dan memiliki pelbagai jenis kemahiran. Kemahiran tersebut adalah kemahiran mengajar, kemahiran al-Quran, kemahiran ICT, kemahiran pengurusan tempat kerja, kemahiran pengurusan rumah tangga, kemahiran interpersonal, kemahiran intrapersonal, kemahiran kecerdasan emosi, dan kemahiran pengucapan awam.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam membincangkan elemen kemahiran yang diperlukan oleh seorang Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di politeknik terbahagi kepada beberapa jenis. Kemahiran yang pertama adalah kemahiran mengajar. PCPI dalam menjalankan sesi P&P telah menggunakan pelbagai teknik dalam kaedah mengajar. Teknik tersebut adalah bercerita, berpidato, menerang, mengaitkan isu, meninggikan suara, dan menyanyi. Pernyataan ini diterangkan melalui kata-kata berikut, “*saya selalu sebut pada pelajar saya bila diorang dengar saya cerita saya*” dan “*sebabtu bila saya masuk kelas, saya rasa saya bukan guru, saya penceramah, saya selalu sebut pada pelajar saya bila diorang dengar saya cerita*”. Dua pernyataan ini menunjukkan PCPI menggunakan teknik bercerita dan teknik berpidato dalam P&P yang dijalankan. Menurut an-Nahlawi (1995), seorang pendidik yang berjaya seharusnya bertindak sebagai penyampai pengetahuan yang baik dengan menggunakan pelbagai teknik supaya pengetahuan yang disampaikan dapat diamalkan.

Kemahiran yang kedua yang diamalkan oleh PCPI ialah kemahiran al-Quran. Dalam kemahiran ini, PCPI menekankan seorang guru itu perlu menguasai pembacaan al-Quran dengan membaca secara bertajwid, mampu memberi tafsiran kepada terjemahan ayat, dan berkemampuan berhujah dengan dalil dari al-Quran. Pernyataan ini dijelaskan dengan ungkapan berikut, “*kemampuan membaca al-Quran dengan bertajwid, mempunyai keupayaan memberikan tafsiran pada ayat, serta mampu berhujah dengan menggunakan dalil-dalil dari al-Quran adalah satu keyakinan kepada pelajar mengenai apa yang disampaikan oleh guru mereka*”. Hal ini pernah dinyatakan oleh Abdullah Nasih Ulwan (1988), yang menyebut bahawa ilmu al-Quran perlulah dikuasai dan diterapkan dalam diri terutamanya dalam hal kerohanian, prinsip, dan pembacaan.

Dunia teknologi menyebabkan penciptaan alat komunikasi banyak membantu tugas para pensyarah. Seharusnya perubahan kepada wujudnya alatan canggih ini boleh meringankan beban tugas mereka. Maka, tidak terkecuali PCPI adalah individu yang tidak ketinggalan dalam mengikuti arus semasa. Kebolehan PCPI dalam carian internet, jaringan sosial, pembuatan video, penggunaan cd, penggunaan telefon pintar, dan penggunaan LCD. Menurut PCPI yang ditemu bual, beliau menyatakan “*kita ada facebook sekangn senangdah, handphone kita ada internet semua, sepintas lalu sebelum masuk ke kelas baca tajuk-tajuk utama*”. Perkara ini juga disebut oleh Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2012), bahawa penggunaan internet dalam P&P boleh memberi kesan yang positif kepada para pelajar dan perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepada.

Kemahiran pengurusan juga adalah sesuatu yang penting bagi seorang PCPI. Kemahiran ini meliputi kemahiran pengurusan tempat kerja dan pengurusan rumah tangga. Kemahiran pengurusan tempat kerja boleh dilihat dari segi aspek PCPI yang datang awal ke tempat kerja, membuat target, menyusun kerja dan pengurusan solat. Pernyataan ini boleh dilihat melalui kata-kata PCPI ketika menerangkan situasi setiap kali beliau hadir ke tempat kerja, “*alhamdulillah sayani jenis datang awal kat office, saya sampai seawal 7 pagi*”. Manakala aspek pengurusan rumah tangga pula terdiri melibatkan pengurusan masa dan mengutamakan keutamaan. Tanggungjawab PCPI yang sudah berumah tangga memerlukan kebijaksanaan dalam menguruskan hal ehwal kerja dan tanggungjawab di rumah. Beliau memberitahu, “*bawak balik laptop, bawa balik laptopjela...dulu... dengan bahan-bahan yang kita nak buat, lani dah tak bawa balik dah*”. Pernyataan ini ditekankan oleh Ilhaamie *et al.* (2012), yang menerangkan bahawa kedudukan wanita yang berkerjaya perlulah lebih bijak dalam menguruskan dua tanggungjawab yang berbeza disamping mengekalkan kecemerlangan dalam diri samada di rumah dan tempat kerja.

Tanggungjawab yang semakin bertambah memerlukan PCPI memiliki tambahan kepada beberapa kemahiran. Kemahiran yang dimaksudkan adalah kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Aspek interpersonal yang dimiliki PCPI adalah memahami minat pelajar dan mengetahui kelemahan pelajar. Hal ini dibuktikan dengan kata-katanya, “*ICT tu kan rasanya kalau kita tak guna, erm... kita... telah mengabaikan satu lagi penumpuan pelajar sebenarnya. Sebab pelajar kitani, yang tengok tu lebih suka, tengok tu lebih suka, jadi... kepandaian ICT tu perlu adala*”. Pendidik yang berkesan dalam hubungan interpersonal adalah merujuk kepada pendidik yang dapat membina hubungan dengan pelajar, di mana terbentuknya perasaan yang dekat, selamat dan boleh dipercayai. Pendidik itu juga memberi bantuan instrumental, merangsang nilai-nilai kemasyarakatan dan kasih-sayang di dalam kelas, yang menjadikan hubungan berkualiti serta mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk lebih berjaya dalam akademik dan hubungan sosial (Wentzel, 2012). Selain itu, aspek intrapersonal juga menjadikan PCPI seorang yang istimewa. Kemahiran ini meliputi aspek mengetahui


kebolehan diri, mengetahui cara memajukan diri, mampu memotivasi diri sendiri, mengetahui potensi dalam diri, dan mengetahui kelemahan diri. Pernyataan ini disokong dengan pengakuan PCPI sendiri bahawa, “*dan saya rasalah sayani seorang yang setakat harini kenal potensi diri saya, maksudnya walaupun ada tekanan kerja yang datang, sebenarnya masalah-masalah yang ada di sekeliling kitani, erm..dari sudut emosi, cara yang terbaik untuk kita tangani adalah kita...kita sendirilah... ye...motivasi sendirilah, tekanan kerja yang ada*”. Menurut Abhijit Bhaduri (2012), seseorang yang mempunyai kemahiran intrapersonal yang tinggi adalah seorang yang yakin, tidak mudah berputus asa dan berubah mood, mudah bangun dari kegagalan, mengikut peraturan, tetap pendirian, mudah diselia, mengikut rutin, berdisiplin, dan dapat mengawal sikap.

Berikutnya, kemahiran kecerdasan emosi juga membantu kecemerlangan PCPI. Menurut an-Nahlawi (1995), seorang pendidik perlu meningkatkan motivasi dan wawasan para pelajar dengan menggunakan pendekatan psikologi yang sesuai. Usaha memberikan motivasi ini adalah salah satu dari aspek kecerdasan emosi yang melibatkan kemampuan PCPI mengawal emosi mengikut keadaan dan berfikir sebelum bertindak. PCPI yang ditemui menyatakan, “*pelajar kita... aaa sebab tu la seorang guru Pendidikan Islam apa sahaja yang dia nak tulis, dia kena pikir 100 kalikan...kalau kita... contoh dia nak marah, nak maki orang, dia tak boleh nak tulis dalam facebook dia, dia tengah bengang... dia lontarkan semua kemarahan dia dalam facebook... perkataan-perkataan tak sepatutnya*”

Akhir sekali dalam dapatan rintis yang dijalankan, pengkaji mendapati PCPI mempunyai kemahiran dalam pengucapan awam. Kepetahan dalam berbicara dan menyampaikan sesuatu adalah salah satu dari karakter pendidikan Nabi Muhammad s.a.w. yang menyebabkan orang tertarik (Abd Fattah Abu Ghuddah, 2011). Kehebatan baginda ini menyebabkan suasana dan semangat para sahabat berkobar-kobar untuk belajar. Kebolehan berceramah yang ada pada PCPI menyebabkan kebolehan diri mereka mendapat tempat dan kepercayaan dalam masyarakat. Pernyataan ini dirakamkan sendiri oleh PCPI yang menyebut, “*Saya pernah dijemput sebagai penceramahla...terutamanya... fasi... sekalila terutamanya macam kursus solat tu kan... jadi fasi solat sekali dan satu lagi kata-katanya, iaitu “sebenarnya saya... pernah disuruh mengajar makcik-makcik”*”.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengkaji menghasilkan satu model yang dinamakan Model Elemen Kemahiran dalam dan luar P&P Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI). Model ini digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1.



**Rajah 1:** Model Elemen Kemahiran dalam dan luar P&P Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI).

Berdasarkan Rajah 1, kesemua elemen kemahiran yang disenaraikan boleh diamalkan dalam dan luar P&P bagi pensyarah Pendidikan Islam di politeknik. Namun, pensyarah perlu menggunakan kemahiran ini dengan bijak dan sebaiknya mengikut kepada kesesuaian diri mereka.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian rintis ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan kajian kes elemen penggunaan kemahiran oleh Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di politeknik. Hasil pola dapatan kajian berjaya menghasilkan Model Elemen Kemahiran dalam dan luar P&P Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) yang terdapat dalam implikasi kajian ini. Justeru, pensyarah Pendidikan Islam perlu mengambil perhatian agar P&P mereka dapat diaplikasikan kemahiran-kemahiran yang sesuai agar dapat melahirkan kefahaman yang tinggi oleh pelajar seterusnya menghayati serta diamalkan ilmu yang mereka perolehi.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56.
- Abdul Jalil Othman. (2007). Quality Teachers For Today and Tomorrow. *Jurnal Masalah Pendidikan*, Jld 30(2), 2007 169-173.
- Abdull Sukor Shaari. (2010). *Guru Berkesan Petua dan Panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2009). *Guru Sebagai Pendorong dalam Darjah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1989). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Jld. 1-3. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Abdurrahman Al-Nahlawi. (1995). *Ushulut Tarbiyah Islamiyah wa asalibiha fil Baiti wa al-Madrasati wa al-Mujtama*. (Trj. oleh Shihabuddin dengan tajuk: *Pendidikan Islam di Rumah Sekolah dan Masyarakat*). Jakarta: Gema Insani Press.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah. (2011). *Al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*. (Trj. oleh Sumedi dan R. Umi Baroroh dengan tajuk: *40 Strategi Pendidikan Rasulullah*). Bandar Baru Bangi: Pelima Media Sdb Bhd.
- Abhijit Baduri. (2012). *Don't Hire the Best: An Essential Guide to Picking the Right Team*. India: HarperCollins Publishers.
- Ahmad Zaidi Shah Muhamed. (2011). Amalan Pengajaran & Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK) dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran . *Proceeding 2<sup>nd</sup> International Conference on Islamic Education 2011 (ICIED 2011)*. 19-21 December 2011. Equatorial Hotel, Bangi-Putrajaya, Selangor, Malaysia. 47-58.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (t.th). *Ihya 'Ulum al-Din*, Jld. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd.Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yasin. (2011). Penilaian Kemudahan Pembelajaran, Peruntukan Kewangan dan Kursus dalam Perkhidmatan bagi Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 2011 123-134.
- Ananda Kumar Palaniappan. (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Mazeni Ismail. (2010). Stress dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 25, 103-136, 2010.

- Chee Kim Mang. (2008). Kualiti Guru Permulaan Keluaran Sebuah Institut Perguruan: Satu Tinjauan dari Perspektif Pentadbir Sekolah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 23, 49-67.
- Fatimah Saleh & Lim Chap Sam. (2010). *Analisis Data Kualitatif*. Dalam Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Gary, T. (2009). *How to Do Your Research Project: A Guide for Students in Education and Applied Social Sciences*. London: Sage Publications LTD.
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Sharifah Hayaati syed Ismail, & Siti Arni Basir. (2012). Women Career Advancement in Public Service: A Study in Indonesia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, (58), 298-306.
- Irfan Naufal Umar & Nurullizam Jamiat. (2011). Pola Penyelidikan ICT dalam Pendidikan Guru di Malaysia: Analisis Prosiding Teknologi Pendidikan Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 26, No. 1, 1-14, 2011.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. (2009). *Hala Tuju Transformasi Politeknik ke arah Kelestarian Penghasilan Modal Insan Negara*. Seri Kembangan: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. (2012). *Informasi Politektik Edisi September 2012*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- John W. C. (2012). *Educational Research. Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. 4th Edition*. Boston, USA: Pearson Education.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2012). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).
- Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman. (2011). Profesionalisme Guru Pendidikan Islam: Konsep dan Amalan. *Proceeding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, 453-462.
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo & Nor Ellina Abdul Razak. (2012). Kecerdasan Sosial dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* Volume 7, Number 1, 094-104, April Special-2012.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies* 11, 2010.
- Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunos. (2008). Peranan Guru dalam memupuk kreativiti pelajar. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Vol. 09 (2008).
- Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah & Rahimi Che Aman. (2009). Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 24, 125-142, 2009.

Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah. (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, Jil. 60, 31-37, 2013.

Rafizah Mohamed Salleh. (2011). *Model Guru Contoh Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron. (2012). *Kemahiran Generik Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian. (2012). Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 27, 51-68, 2012.

Ruth Kane, Susan Sandretto & Chris Heath. (2004). An Investigation Into Excellent Tertiary Teaching: Emphasising Reflective Practice. *Higher Education* 47: 283-310, 2004.

Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Edusystem Sdn. Bhd.

Sahandri G. Hamzah, Hafidah Mohamad & Mohammad R. Ghorbani (2008). Excellent Teachers' Thinking Model: Implications for Effective Teaching. *Australian Journal of teacher Education*. Vol. 33: Iss. 4, Article 2, 11-27.

Saipo Ayub. (2005). Guru Menghadapi Perubahan. *Jurnal Institut Perguruan Islam*, 2005.

Salhah Abdullah. (2009). *Kecerdasan Pelbagai Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip & Mohd Shahril, Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi. (2012). Kajian Pengaruh Amalan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012 (ICRIALE 2012)*. 01-02 June 2012. Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia.419-432.

Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi. (2012). Kajian Pengaruh Amalan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 (ICRIALE 2012)*. 01-02 June 2012. Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia.419-432.

Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat. (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2), 2009 31-50.

Syed Sofian Syed Salim, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohammad Nasir Bistaman, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Muhammad Bazlan Mustafa & Rohany Nasir. (2011). Peranan Kecerdasan Emosi dan Faktor Ciri-ciri Pekerjaan ke Atas Kepuasan Bekerja Dalam Profesional Perguruan. *Jurnal Pengajian Pendidikan*.

Wan Mat Sulaiman & Haslinda Talib. (2011). Pengaruh Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Proceeding 2<sup>nd</sup> International Conference on Islamic Education 2011 (ICIED 2011)*. 19-21 December 2011. Equatorial Hotel, Bangi-Putrajaya, Selangor, Malaysia.791-804.

Wan NorinaWan Hamat & Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff. (2012). Pengaruh Media Massa Terhadap Gaya Hidup Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *Proceedings World Conference on Islamic Thought : 2012(WCIT 2012)*. 11-12 September 2012. Kinta Riverfront, Ipoh, Perak.

Wentzel, K.R. (2012). *Teacher-students Relationships and Adolescent Competence at School*. Dalam Wubbels, T., den Brok, P., van Tartwijk, J., & Levy, J. (Peny.). *Interpersonal Relationships in Education: An Overview of Contemporary Research*. The Netherlands: Sense Publishers.

Wood, L.N. & Harding, A. (2007). Can you Show you are a Good Lecturer?. *International Journal of Mathematical Education in Science and Technology*, Vol 38, No. 7, 15 October 2007, 939-947.